

**Cabaran Budaya dan Istilah dalam Terjemahan Teks Sejarah *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911***

***Cultural dan Terminological Challenges in Translating Historical Text *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911****

Idris Mansor\*<sup>1</sup>, Hanina Tassha Ahmad<sup>2</sup>, Jasmin Nabilah Jaafar<sup>3</sup> & Lailatul Sakinah Mhd Shahrom<sup>4</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
20 OGOS 2020	04 NOVEMBER 2020	30 MEI 2021

**ABSTRAK**

*Karya terjemahan genre sejarah mempunyai nilai yang sangat tinggi kerana kepentingannya sebagai sumber historiografi negara. Tujuan karya asal yang bertajuk *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911* ini dipilih untuk diterjemah kerana ingin memperkenalkan sejarah permukiman suku Mandailing di Perak sejak abad ke-19 dan mengetengahkan sumbangan suku Mandailing dalam perkembangan kegiatan perlombongan di negeri itu lebih satu abad yang lalu. Walau bagaimanapun, proses terjemahan karya besar ini tidak mudah kerana penterjemah berhadapan dengan pelbagai cabaran rentas bahasa dan budaya. Antara cabaran yang dihadapi oleh penterjemah adalah genre teks sejarah itu sendiri kerana sifat teks genre sejarah yang sarat dengan elemen budaya dan pelbagai istilah bidang. Bertitik tolak daripada hakikat tersebut, berdasarkan pendekatan fenomenologi (phenomenology), iaitu di bawah kategori pengalaman sendiri (personal experience) oleh penterjemah, satu penelitian telah dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan bentuk-bentuk kekangan budaya dan peristilahan yang dihadapi oleh penterjemah dalam menterjemah teks yang dipilih.*

**Kata Kunci:** *Proses terjemahan; teks sejarah; Mandailing; pendekatan dokumentari; elemen budaya; istilah.*

**ABSTRACT**

*The translation of historical genre text is also deemed as a valuable piece of text due to its importance as a source of historical historiography. The source text, entitled *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911* was chosen to be translated in order to introduce the history of the Mandailing settlements in Perak since the 19th century and highlight the Mandailing's contribution towards the development of mining industry in Perak over a century ago. However, the process of translating this masterpiece is not easy as translators faced various challenges involving languages and cultural boundaries. One of the challenges faced by the translators is the genre of historical text itself because of the nature of the texts which are full of cultural elements and various terminologies. From that fact, based on phenomenological approach, which is under the category of personal experience by the*

<sup>1</sup> Idris Mansor, PhD (Translation Studies), School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, idrismansor@usm.my, \*Corresponding author

<sup>2</sup> Hanina Tassha Ahmad, B.A (Translation Studies), School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, hanitassha@gmail.com

<sup>3</sup> Jasmin Nabilah Jaaffar, B.A (Translation Studies), School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, jasminnabilahj@gmail.com

<sup>4</sup> Lailatul Sakinah Mhd Shahrom, B.A (Translation Studies), School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, sakinahshahrom@gmail.com

*translator, a observation has been conducted to identify and discuss types of cultural and terminological challenges faced by the translator in translating the chosen text.*

**Keywords:** *Translation process; historical text; Mandailing; phenomenological approach; cultural elements; terminology.*

## **Pengenalan**

Terjemahan merupakan suatu aktiviti pemindahan maklumat yang berlaku dalam dua bahasa yang berbeza. Catford (1965: 21) telah mendefinisikan terjemahan sebagai satu proses menggantikan teks dalam satu bahasa kepada satu teks dalam bahasa lain. Menurut Haslina Haroon dan Nurul Syafiqah Daud (2017: 163):

*Translation is the transfer of messages in one language to another language. This process involves a text which is written in one language and the transfer of messages in this text into another language.*

Walau bagaimanapun, Goh Sang Seong dan Boh Phaik Ean (2014: 76) memberi sudut pandangan berbeza dengan menyatakan bahawa terjemahan bukan sekadar menjadi pemindah maklumat, malahan turut mampu mendukung wawasan yang lebih makro dalam pemupukan persefahaman antara manusia sejagat. Oleh itu, penterjemah memainkan peranan penting sebagai perantara dalam penyebaran maklumat rentas bahasa dan secara tidak langsung turut berperanan sebagai pemelihara inti pati dan keseluruhan kandungan sesebuah karya asli, terutamanya karya-karya sejarah yang tinggi nilainya.

Peristiwa lampau bagi sesuatu bangsa merupakan sejarah yang sangat penting untuk dibukukan kerana peranannya dalam merekodkan pembinaan dan kehidupan sesebuah tamadun. Sejarah secara harfiahnya berasal daripada bahasa Arab, “*shajarah*” yang bermaksud pokok, simbolik kepada sifat sejarah itu sendiri yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa ibarat biji benih yang kian bercambah menjadi pohon. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), sejarah boleh ditakrifkan sebagai peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, manakala ilmu sejarah boleh didefinisikan sebagai kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang lalu. Kepentingan sejarah dalam kehidupan sememangnya tidak dapat disangkal memandangkan manusia sangat memerlukan ilmu sejarah sebagai panduan dan petunjuk yang memacu kehidupan dalam menentukan perilaku pada masa akan datang. Melalui perekodan sejarah juga, manusia dapat memelihara sumber yang mendukung nilai tatasusila, warisan budaya dan sumbangan tokoh-tokoh yang telah banyak berkorban dalam memastikan kelangsungan sesuatu bangsa sehingga ke hari ini.

Teks sumber *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911* (2003) merupakan sebuah teks genre sejarah yang dihasilkan daripada sebuah kajian yang berkaitan penghijrahan suku Mandailing ke Tanah Melayu, sistem pentadbiran tradisional yang diamalkan dan warisan budaya suku Mandailing. Teks sumber ini menceritakan sejarah permukiman masyarakat Mandailing, atau turut dikenali sebagai ‘Melayu dagang’ di Tanah Melayu sekitar kurun ke-19. Suku Mandailing ini yang berasal dari barat laut Sumatra, Indonesia telah merantau ke negeri Perak, Malaysia selepas berlakunya pergolakan di tanah asal mereka akibat penjajahan Belanda. Sehingga ke hari ini, keturunan suku Mandailing telah menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan di Malaysia.

Faktor yang mendorong pemilihan karya asli ini untuk diterjemahkan adalah untuk berkongsi mengenai sejarah permukiman suku Mandailing di Perak yang wajar dipelihara dan disebarluaskan kepada setiap generasi, sekaligus memperkenalkan suku Mandailing yang telah lama bertapak di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung dapat menyumbang dan memperkayakan sumber historiografi negara. Penterjemah juga berhasrat untuk mengetengahkan sumbangan besar suku Mandailing pada suatu masa dahulu dalam sejarah perkembangan ekonomi di negeri Perak. Keberanian, kecekalan dan keakraban yang ditonjolkan oleh suku Mandailing dalam mengharungi pahit getir kehidupan seharusnya dijadikan suri tauladan bagi segenap masyarakat pada masa kini.

Proses terjemahan teks ini ke dalam bahasa Melayu walau bagaimanapun menghadapi beberapa kekangan. Untuk itu, makalah ini melaporkan kekangan-kekangan yang dihadapi serta penyelesaian yang diambil dalam mengatasi kekangan tersebut. Dapatan kajian ini diharap menjadi panduan kepada para penterjemah yang menterjemah teks sejarah, khususnya yang melibatkan pasangan bahasa Inggeris – bahasa Melayu.

### Sorotan Literatur

Teks sumber *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911* (2003) merupakan sebuah teks genre sejarah yang mengandungi elemen artistiknya yang tersendiri. Dalam menterjemahkan karya ini, terdapat pelbagai isu yang dihadapi oleh penterjemah kerana sifat teks sejarah itu sendiri yang sarat dengan pelbagai elemen budaya, bidang dan unsur sociolinguistik. Cabaran dalam menterjemah teks genre sejarah ini turut disuarakan oleh Dweik dan Abu Helwah (2014: 286) dengan menyatakan bahawa:

*Historical and religious texts are peculiar in that they have difficult and specialized lexicons which a translator may consistently make any attempt to compare and contrast different aspects of two languages to find the equivalents.*

Hal ini demikian kerana setiap bahasa mendukung nilai budayanya yang tersendiri. Oleh itu, penterjemah perlu benar-benar memahami makna dan nilai budaya yang didukung oleh sesuatu leksikal dalam sesuatu bahasa agar padanan yang tepat dapat diberikan semasa proses terjemahan dilakukan. Selain itu, penterjemah juga perlu mempunyai '*weltanschauung*' atau pandangan dunia dalam kedua-dua bahasa agar terjemahan yang dihasilkan dapat menyampaikan keseluruhan maklumat dalam teks sumber secara menyeluruh.

Oleh hal yang demikian, teknik terjemahan yang betul memainkan peranan yang sangat penting dalam menghasilkan teks terjemahan yang berkualiti. Menurut Harun Baharudin (2017: 227), "teknik terjemahan dapat difahami sebagai apa sahaja tindakan yang dilakukan oleh penterjemah dalam tugas menterjemah teks dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran". Salah satu teknik awal yang boleh dilakukan oleh penterjemah ialah mengenal pasti pendekatan terjemahan yang bersesuaian. Pendekatan terjemahan merupakan cara atau garis panduan yang digunakan dalam menterjemahkan keseluruhan teks sumber. Menurut Idris Mansor (2013: 58), dua pendekatan terawal yang diperkenalkan dalam dunia penterjemahan ialah pendekatan literal dan pendekatan bebas yang begitu hangat diperdebatkan pada suatu masa dahulu. Walau bagaimanapun, perkembangan drastik dalam bidang terjemahan telah membawa kepada kewujudan pelbagai pendekatan baharu yang telah dipelopori oleh para sarjana dalam bidang terjemahan. Melalui penghasilan pendekatan baru seperti terjemahan semantik, terjemahan komunikatif, terjemahan instrumental dan sebagainya, sesebuah teks

terjemahan dapat mengekalkan fungsi teks sumber dan meningkatkan kebolehsampaian maklumat kepada pembaca.

Antara cabaran yang wujud dalam menterjemah teks genre sejarah ialah kesulitan untuk mencari padanan bagi elemen budaya dan istilah bidang yang wujud dalam teks tersebut. Menurut Taylor (1903: 1), budaya boleh ditakrifkan sebagai “*is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society*”. Berdasarkan takrifan ini, budaya ialah sesuatu yang kompleks yang boleh dilihat dalam keseluruhan aspek kehidupan dan perlakuan manusia. Kesukaran dalam menterjemah elemen budaya adalah disebabkan oleh jurang budaya yang wujud antara budaya yang berbeza. Dalam hal ini, Nida (1964) menyatakan bahawa hubungan yang rapat antara bahasa dan budaya sering menyebabkan masalah dalam terjemahan.

Sekitar tahun 1980-an, tumpuan pengajian penterjemahan telah berubah daripada membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan bahasa dan linguistik kepada isu-isu budaya. Snell-Hornby (1990) dan Bassnett & Lefevere (1990) mempelopori aliran yang dikenali sebagai *the cultural turn* (aliran budaya). Kecenderungan ini menitikberatkan kepentingan untuk memberi tumpuan kepada unsur budaya dalam terjemahan. Menurut Hermans (1999: 68), terjemahan dan pengajian penterjemahan bukan hanya berkaitan dengan perkataan yang terdapat dalam sesebuah teks, tetapi turut melibatkan unsur sejarah, pemindahan antara budaya dan proses mengubah nilai sejarah. Namun begitu, tumpuan terhadap unsur budaya membawa kepada cabaran dalam mengenal pasti pendekatan yang paling sesuai dalam menghasilkan sesuatu terjemahan.

Proses terjemahan teks sumber bergenre sejarah juga turut memberi cabaran kepada penterjemah apabila melibatkan istilah-istilah bidang. Menurut Zaliza Zubir dan Mahfuzah Md Daud (2014: 94), istilah merupakan suatu lambang linguistik yang berhuruf, bentuk bebas atau gabungan beberapa bentuk yang gramatis dan sistematis yang mengandungi timbunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan jawatankuasa istilah bidang berkenaan sebagai mempunyai nilai komunikatif yang sesuai. Istilah juga merupakan lema khusus bagi sesuatu bidang, malahan penggunaan bahasanya tidak seperti wacana-wacana lazim yang lain.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), istilah didefinisikan sebagai “perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (pekerjaan atau kesenian)”. Dalam menterjemah teks sumber, penterjemah menghadapi masalah dalam memberikan padanan bagi penggunaan istilah dalam dua bidang berbeza iaitu bidang perlombongan dan seni bina. Walau bagaimanapun, masalah ini berjaya diselesaikan dengan bantuan prosedur dan strategi terjemahan yang bersesuaian.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif berdasarkan penelitian (*explorative*) melalui pendekatan fenomenologi (*phenomenology*), iaitu di bawah kategori pengalaman sendiri (*personal experience*) oleh penterjemah (Saldanha & O’Brien 2017; O’Leary 2010).

Fasa pertama dalam penghasilan kajian ini dimulakan dengan menganalisis teks sumber, *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911* melalui penghasilan ikhtisar terjemahan. Analisis teks ini penting dalam menilai faktor-faktor ekstratekstual sebelum kerja terjemahan teks sumber dimulakan. Seterusnya, pendekatan terjemahan yang bersesuaian dengan genre

teks sumber telah dipilih. Memandangkan teks sumber merupakan sebuah karya genre sejarah, pendekatan dokumentari yang diperkenalkan oleh Nord (1991; 1997/2001) telah dimanfaatkan sepenuhnya dalam menghasilkan karya terjemahan bagi teks ini, di samping prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1995). Menurut Nord (1991: 72), terjemahan dokumentari “*serves as a document of an SC [source culture] communication between the author and the ST [source text] recipient*”. Berdasarkan takrifan ini, dapat disimpulkan bahawa unsur-unsur asing dikekalkan dalam teks terjemahan. Hal ini menyebabkan teks terjemahan yang dihasilkan berbaur terjemahan kerana sebahagian besar aspek yang terkandung dalam teks sumber cuba dikekalkan dalam teks sasaran.

Langkah awal yang dilakukan dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menyenaraikan elemen budaya dan istilah bidang yang memberi cabaran kepada penterjemah. Daripada senarai tersebut, beberapa sampel dipilih untuk dijadikan contoh dan dibincangkan.

## Dapatan Kajian

### 1. Ikhtisar Terjemahan

Ikhtisar terjemahan merupakan satu pendekatan analisis teks yang diperkenalkan oleh Christiane Nord (1997/2001). Menurut Nord (1997/2001), ikhtisar terjemahan diperlukan dalam menilai faktor-faktor ekstratekstual sebelum sesuatu terjemahan dimulakan. Faktor-faktor ekstratekstual tersebut meliputi fungsi teks atau fungsi yang diharapkan, pembaca yang disasarkan, masa dan tempat penerimaan teks, medium penyampaian teks dan motif penghasilan atau penerimaan teks. Ikhtisar terjemahan penting dalam sesebuah tugas terjemahan sebagai garis panduan untuk memperoleh kedua-dua maklumat teks sumber dan teks terjemahan. Maklumat-maklumat ini seterusnya akan membantu penterjemah mengenal pasti perbezaan dan persamaan yang wujud dalam kedua-dua teks sebelum proses terjemahan dimulakan.

Analisis ke atas faktor-faktor ekstratekstual telah dilakukan sebelum proses terjemahan teks sumber dimulakan. Teks sumber merupakan sebuah teks berbentuk informatif kerana teks ini berfungsi untuk menyampaikan maklumat mengenai sejarah suku Mandailing di Perak. Teks terjemahan juga dihasilkan dengan fungsi yang sama dengan teks sumber. Seterusnya, pembaca sasaran bagi teks sumber ini merupakan golongan ahli akademik atau ahli bidang, manakala teks terjemahan disasarkan kepada golongan intelektual dan masyarakat umum dalam kalangan pembaca dewasa. Masa dan tempat penerimaan teks sumber adalah pada tahun 2003 di Malaysia dan teks terjemahan dihasilkan pada tahun 2018 juga di Malaysia. Bagi medium penyampaian teks, teks sumber dan teks terjemahan dihasilkan sebagai sebuah teks bercetak berkulit keras. Teks sumber dan teks terjemahan berkongsi motif penghasilan atau penerimaan teks yang sama iaitu untuk memperkenalkan kepada pembaca suku Mandailing yang telah lama bermukim di Malaysia.

### 2. Isu Terjemahan Elemen Budaya

Sifat teks genre sejarah itu sendiri yang sarat dengan elemen budaya dan istilah bidang telah mendatangkan cabaran kepada penterjemah. Dalam proses terjemahan teks sumber ini, penterjemah juga tidak terlepas daripada berhadapan dengan kesukaran dalam memberikan padanan bagi istilah budaya yang wujud dalam teks sumber. Budaya merupakan cerminan sebuah bangsa. Teks sumber *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911* (2003) merupakan sebuah teks genre sejarah yang sangat kaya dengan nilai-nilai budaya yang menjadi

pegangan dan amalan suku Mandailing di Perak, bertepatan dengan motif penghasilan teks sumber yang ingin memperkenalkan kepada pembaca suku Mandailing yang telah lama bermukim di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, fungsi asal ini dikekalkan dalam teks terjemahan dengan memperkenalkan elemen budaya material dan bukan material yang dimiliki oleh suku Mandailing ini agar objektif penghasilan teks dapat dicapai. Antara contoh cabaran dalam terjemahan aspek budaya adalah seperti berikut:

**Contoh 1:**

Teks sumber (15) : *The key concepts are **marga (patriclan)**,<sup>6</sup> **kahanggi (lineage)**, **mora (wife-giving clan)** and **anak boru (wife-receiving clan)**.*<sup>7</sup>  
 Teks terjemahan : Konsep utamanya ialah **marga (patriclan iaitu sebuah kaum yang keahliannya ditentukan oleh keturunan nasab bapa dari nenek moyang yang sama)**,<sup>6</sup> **kahanggi (keturunan)**, **mora (suku pemberi isteri)** dan **anak boru (suku penerima isteri)**.<sup>7</sup>

Berdasarkan contoh di atas, pengarang telah memperkenalkan beberapa istilah budaya bukan material suku Mandailing dalam penulisan mereka seperti ‘*marga*’, ‘*kahanggi*’, ‘*mora*’ dan ‘*anak boru*’ yang disertakan dengan padanan yang paling hampir dalam bahasa Inggeris untuk kefahaman pembaca. Walau bagaimanapun, penterjemah masih menghadapi kesukaran untuk menterjemahkan padanan yang diberikan dalam teks sumber kerana kurangnya pendedahan terhadap konsep budaya tersebut. Situasi ini jelas membuktikan bahawa terjemahan bukan sekadar memerlukan penguasaan terhadap dua atau lebih bahasa, malahan turut mengkehendaki penterjemah memahami dan mendalami nilai budaya yang terkandung dalam sesebuah bahasa agar padanan yang tepat dapat diberikan dalam teks terjemahan.

***Marga (Patriclan)***

Istilah budaya ‘*marga*’ dalam teks sumber telah diberikan takrifan ‘*patriclan*’ oleh pengarang dalam teks sumber. Menurut laman sesawang *Oxford Dictionaries*, istilah ‘*patriclan*’ ditakrifkan sebagai ‘*a patrilineal kin group or clan*’. Takrifan istilah ‘*patrilineal*’ pula menurut *Oxford Advanced Learner’s Dictionary* (2010) ialah “*used to describe the relationship between father and child that continues in a family with each generations, or something that is based on this relationship*”. Berdasarkan kedua-dua takrifan ini, dapat disimpulkan bahawa istilah ‘*marga*’ dalam budaya suku Mandailing merujuk kepada sesebuah kaum yang dikumpulkan berdasarkan pertalian dengan nasab bapa daripada keturunan nenek moyang yang sama. Walau bagaimanapun, takrifan yang diberikan oleh kamus ini masih belum mencukupi untuk menjelaskan konsep budaya Mandailing ini secara tepat.

Oleh itu, satu temu bual telah dijalankan bersama salah seorang pengarang teks sumber, Abdur-Razzaq Lubis pada 25 September 2018 bagi mendapatkan lebih pencerahan terhadap konsep budaya tersebut. Berpandukan maklumat yang berjaya digarap daripada pengarang, istilah ‘*marga*’ tersebut boleh dirujuk sebagai sebuah kaum yang keahliannya ditentukan oleh keturunan nasab bapa dari nenek moyang yang sama. Bersesuaian dengan pendekatan dokumentari yang diaplikasikan dalam proses penterjemahan teks sumber ini, istilah ‘*marga*’ tersebut telah dikekalkan penggunaannya dalam teks terjemahan melalui prosedur peminjaman oleh Vinay & Darbelnet (1995: 31) bagi memperkenalkan budaya suku Mandailing kepada pembaca sasaran.

Istilah ‘*patriclan*’ yang menerangkan leksikal budaya ‘*marga*’ tersebut juga telah dikekalkan dalam teks terjemahan dengan menggunakan prosedur peminjaman yang sama

memandangkan tiada padanan sedia ada dalam bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, pengekalannya istilah asing tersebut dalam teks terjemahan masih belum memadai kerana teks terjemahan ini bukan sahaja disasarkan kepada golongan intelektual malahan turut disasarkan kepada masyarakat umum dalam kalangan pembaca dewasa yang berminat untuk mengetahui dan mengenali suku Mandailing dan pemimpin mereka dengan lebih mendalam. Oleh itu, penterjemah telah mengaplikasikan prosedur eksplisitasi (Vinay & Darbelnet 1995; Idris Mansor 2016) bagi memberikan keterangan yang lebih jelas terhadap konsep budaya tersebut. Melalui pengaplikasian prosedur ini, istilah '*patriclan*' dijelaskan sebagai sebagai sebuah kaum yang keahliannya ditentukan oleh keturunan nasab bapa dari nenek moyang yang sama dengan berpandukan kepada hasil kajian dan maklumat daripada temu bual bersama pengarang.

### ***Kahanggi (lineage)***

Dalam usaha mengekalkan warna asal teks sumber, istilah '*kahanggi*' dalam budaya Mandailing tersebut telah dikekalkan dalam teks terjemahan melalui pengaplikasian prosedur peminjaman (Vinay & Darbelnet 1995: 31). Keterangan yang diberikan oleh pengarang dalam leksikal umum telah diterjemahkan secara literal dengan menggunakan padanan sedia ada. Hasil temu bual bersama pengarang, Abdur-Razzaq Lubis pada 25 September 2018 telah menjelaskan konsep '*kahanggi*' yang merujuk kepada kumpulan individu yang berasal daripada keturunan yang sama. Adat tradisi lama masyarakat Mandailing tidak membenarkan perkahwinan sesama '*kahanggi*' yang sama kerana mereka dianggap sebagai sebuah keluarga. Walau bagaimanapun, menurut pengarang, adat lama ini tidak lagi dipraktikkan oleh generasi baru suku Mandailing pada hari ini (Abdur-Razzaq Lubis, 25 September 2018).

### ***Mora (wife-giving clan) dan anak boru (wife-receiving clan)***

Kekurangan kajian atau sumber rujukan yang mengkaji amalan budaya masyarakat Mandailing telah memberikan kesukaran kepada penterjemah untuk menghasilkan padanan yang bersesuaian bagi perkataan ini. Dalam teks sumber, pengarang telah memberikan takrifan '*wife-giving clan*' dan '*wife-receiving clan*' untuk menjelaskan konsep '*mora*' dan '*anak boru*'. Meskipun padanan terhampir dalam bahasa Inggeris telah disediakan, namun terjemahan konsep budaya ini tidak dapat dipastikan ketepatannya tanpa penterjemah memahami konsep budaya tersebut terlebih dahulu. Sesi temu bual bersama pengarang telah menyelesaikan kesamaran ini dengan menjelaskan kedua-dua konsep istilah budaya tersebut secara terperinci.

Menurut Abdur-Razzaq Lubis (25 September 2018), '*mora*' dan '*anak boru*' merupakan suatu konsep amalan perkahwinan dalam budaya suku Mandailing yang membentuk sistem kekeluargaan atau kekerabatan suku ini. '*Mora*' merujuk kepada *marga* (keluarga) yang memberikan anak gadis mereka kepada *marga* lain untuk dinikahi dan '*anak boru*' merujuk kepada *marga* yang menerima anak gadis baru daripada *marga* lain untuk diperisterikan oleh anak lelaki daripada *marga* mereka sendiri. Hasil penelitian terhadap konsep budaya ini, kedua-dua takrifan '*wife-giving clan*' dan '*wife-receiving clan*' yang wujud dalam teks sumber telah diterjemahkan secara literal (Vinay & Darbelnet 1995: 33-34) dalam teks terjemahan sebagai '*suku pemberi isteri*' dan '*suku penerima isteri*' kerana penterjemah berpendapat terjemahan literal sudah memadai untuk menggambarkan konsep budaya tersebut secara tepat.

Melalui contoh-contoh item budaya yang diberikan, tiga prosedur terjemahan digunakan bagi tujuan menghasilkan terjemahan yang dapat difahami oleh pembaca, iaitu peminjaman, eksplisitasi dan terjemahan literal. Sementara kaedah mengenal pasti dan mengesahkan makna

bagi item-item tersebut pula menggunakan pendekatan rujukan pakar, iaitu pengarang teks sumber sendiri.

### 3. Isu Terjemahan Istilah Bidang Perlombongan

Genre teks sejarah turut mendatangkan cabaran kepada penterjemah dengan kewujudan penggunaan istilah bidang. Teks *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911* didapati sarat dengan istilah-istilah dalam bidang perlombongan dan seni bina memandangkan kedua-dua aktiviti ini merupakan aktiviti utama mereka pada masa tersebut. Kegiatan perlombongan yang dibincangkan dalam teks sumber merujuk kepada kegiatan perlombongan bijih timah, iaitu satu kegiatan penggalian lombong yang dijalankan bagi mendapatkan bijih. Kegiatan perlombongan merupakan sumber utama pihak kolonial British pada abad ke-19 dalam mendapatkan bijih timah. Perkembangan pesat sektor perlombongan telah membuka peluang kepada masyarakat Mandailing untuk menjadikan perlombongan bijih timah sebagai sumber ekonomi yang utama bagi mereka di Perak pada suatu ketika dahulu. Dalam menterjemahkan karya ini, penterjemah turut berhadapan dengan cabaran dalam menterjemahkan istilah-istilah yang melibatkan bidang perlombongan. Sebagai contoh:

#### Contoh 2:

- Teks sumber (86) : ***Meludang**, according to A. Hale, Inspector of Mines, was 'a small shallow excavation (Malay) which can be baled with a 'penimba chuak', that is, a small bucket made of wood or bark. This method of mining was used where the layer of wash-dirt was found near the surface.*<sup>10</sup>
- Teks terjemahan : ***Meludang**, menurut A. Hale, Pemeriksa Lombong-Lombong, merupakan 'penggalian tanah (Melayu) yang kecil dan cetek yang boleh divedok dengan menggunakan 'penimba chuak', iaitu sebuah timba kecil yang diperbuat daripada kayu atau kulit kayu. Kaedah perlombongan ini digunakan apabila lapisan **kotoran basuhan** ditemui berhampiran permukaan.*<sup>10</sup>

Berdasarkan contoh yang dikemukakan dalam Contoh 2, antara istilah bidang perlombongan yang ditemui dalam teks sumber ialah '*meludang*', '*penimba chuak*' dan '*wash-dirt*'.

#### *Meludang*

Dalam teks sumber, *Meludang* telah dipinjam daripada bahasa Melayu kerana ketiadaan padanan bahasa Inggeris untuk menjelaskan istilah perlombongan tersebut. '*Meludang*' merupakan salah satu kaedah perlombongan yang dilakukan dengan menggali tanah secara cetek. Walau bagaimanapun, oleh kerana istilah tersebut merupakan satu teknik tradisional yang tidak lagi dipraktikkan pada masa kini, perkara ini menjurus kepada ketiadaan padanan dalam bahasa Melayu moden. Oleh hal yang demikian, penterjemah telah meminjam secara langsung penggunaan istilah tersebut ke dalam teks terjemahan, iaitu dengan menggunakan prosedur meminjaman (Vinay & Darbelnet, 1995: 31).

#### *Penimba chuak*

Istilah *Penimba chuak* merupakan satu lagi contoh istilah yang dipinjamkan ke dalam bahasa Inggeris oleh penulis teks sumber. Dalam bahasa Melayu, istilah tersebut bermaksud ‘timba’ atau ‘baldi’. Namun, memandangkan istilah tersebut mendukung konsep bidang perlombongan tradisional yang mempunyai makna khusus dalam budaya masyarakat Mandailing, istilah ini tidak diterjemahkan secara literal ke dalam teks sasaran. Hal ini demikian kerana padanan sedia ada dalam bahasa sasaran dilihat tidak dapat mencapai tahap makna yang dikehendaki dalam teks sumber. Untuk itu, prosedur peminjaman (Vinay & Darbelnet, 1995: 31) turut diaplikasikan dalam menterjemah istilah ini.

### ***Wash dirt***

Seterusnya, istilah bidang perlombongan ‘*wash dirt*’ turut menjadi cabaran kepada penterjemah. Menurut laman sesawang *Merriam-Webster*, istilah ‘*wash dirt*’ ditakrifkan sebagai “*earth washed or to be washed for gold*”. Berdasarkan definisi yang diberikan, istilah tersebut merujuk kepada keadaan mencuci atau membasuh tanah bagi mendapatkan bijih. Namun begitu, definisi yang diberikan oleh kamus tersebut masih belum mencukupi untuk menjelaskan maksud istilah tersebut. Oleh hal yang demikian, penterjemahan istilah perlombongan ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan temu bual bersama salah seorang pakar yang pernah menghasilkan terjemahan dalam bidang geografi, iaitu Wan Rose Eliza Abdul Rahman pada 4 Oktober 2018. Berbantuan dapatan yang diperolehi melalui kaedah temu bual ini, istilah ‘*wash-dirt*’ dicadangkan supaya diterjemahkan secara literal (Vinay & Darbelnet 1995: 33-34) dengan padanan sedia ada dalam bidang perlombongan iaitu ‘kotoran basuhan’.

## **4. Isu Terjemahan Istilah Bidang Seni Bina**

Selain istilah perlombongan, terdapat juga cabaran dalam menterjemahkan istilah-istilah yang melibatkan bidang seni bina. Dalam teks sumber, terdapat penceritaan mengenai gambaran seni bina masjid tradisional khusus bagi masyarakat Mandailing. Rekaan masjid yang telah dibina di Papan, Perak itu dipengaruhi oleh ciri-ciri seni bina masjid masyarakat Mandailing di Sumatera, Indonesia. Antara contoh istilah yang berkaitan dengan bidang seni bina adalah seperti dalam Contoh 3 berikut:

### **Contoh 3:**

Teks sumber (72&75): *It was a large timber hall raised on pillars, with a full bay for a mihrab, and a double-tier **hipped roof** capped by a **finial**.*<sup>14</sup>

Teks terjemahan : Masjid tersebut berbentuk seperti dewan kayu besar yang didirikan di atas tiang dengan bukaan ruang yang mengunjur sepenuhnya dikhaskan untuk mihrab, serta dilitupi **bumbung limas** dua lapis yang dilengkapi **bentuk hiasan atas**.<sup>14</sup>

### ***Hipped roof***

Menurut laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, padanan bagi ‘*hipped roof*’ dalam bahasa Melayu ialah ‘bumbung limas’. Seni bina masjid Mandailing berbeza daripada binaan masjid tradisional tempatan yang kebanyakannya dipengaruhi oleh seni bina bercirikan Moghul tanpa rekaan bumbung limas. Menurut Azizul Azli Ahmad (2015: 266), Masjid Papan, Perak “direka bentuk dengan atap limas dua tingkat serta binaan lantai berpanggung”. Dalam pada itu beliau turut mengulas bahawa masjid tersebut dibina tanpa “mempunyai sebarang

menara dan azan dilaungkan dalam ruang dewan sembahyang” (Azizul Azli Ahmad 2015: 266). Meskipun struktur binaan bumbung ini jarang digunakan dalam konteks seni bina masjid tempatan, namun padanannya wujud dalam bahasa sasaran. Oleh hal yang demikian, istilah ‘*hipped roof*’ telah diterjemahkan secara literal (Vinay & Darbelnet 1995: 33-34) dengan menggunakan padanan sedia ada dalam bahasa sasaran.

### ***Finial***

Istilah seni bina ‘*finial*’ pula turut diterjemahkan dengan mengaplikasikan prosedur terjemahan literal (Vinay & Darbelnet 1995: 33-34), iaitu dengan menggunakan padanan sedia ada dalam bahasa Melayu menjadi ‘*bentuk hiasan atas*’. Meskipun istilah ‘*finial*’ wujud dalam bahasa Melayu hasil pinjaman daripada bahasa Inggeris, padanan tersebut tidak digunakan dalam teks terjemahan kerana ingin memberikan padanan yang lebih mudah difahami oleh pembaca sasaran, iaitu ‘*bentuk hiasan atas*’. Hal ini bertepatan dengan pembaca yang disasarkan, iaitu golongan intelektual dan masyarakat umum dalam kalangan pembaca dewasa. Padanan umum ini dilihat dapat menyampaikan makna istilah bagi struktur binaan yang dimaksudkan dan mudah difahami oleh pembaca sasaran.

Dalam menterjemah istilah, perbezaan antara istilah perlombongan dan istilah seni bina dapat dilihat dengan agak jelas. Istilah perlombongan banyak melibatkan aktiviti tradisional masyarakat setempat pada ketika itu yang tiada padanan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu standard pada hari ini. Untuk itu, istilah tersebut dipinjam secara langsung ke dalam bahasa Inggeris dalam teks sumber dan diulang pinjam ke dalam bahasa Melayu dalam teks terjemahan. Adapun bagi istilah perlombongan yang ditulis dalam bahasa Inggeris dalam teks sumber, prosedur terjemahan literal sesuai digunakan setelah merujuk pandangan pakar bidang. Bagi istilah seni bina pula, kebanyakan data menunjukkan bahawa istilah seni bina mempunyai padanan sedia ada dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian prosedur terjemahan literal sesuai untuk digunakan.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, proses terjemahan bukanlah sekadar satu proses pemindahan maklumat semata-mata, sebaliknya penterjemah perlu menguasai nilai dan budaya yang didukung oleh kedua-dua bahasa tersebut bagi memastikan terjemahan dapat dihasilkan dengan tepat dan lancar. Sama seperti genre teks yang lain, teks sejarah mempunyai cabarannya yang tersendiri, terutamanya dalam memindahkan maklumat silang budaya dan terjemahan istilah-istilah tertentu. Walaupun kaum Mandailing tergolong dalam rumpun keluarga Melayu, namun budaya yang diamalkan oleh mereka ternyata ada perbezaan. Terdapat budaya yang terlalu khusus yang tidak dikongsi dengan masyarakat Melayu secara umum yang menyebabkan tiada padanan leksikal bagi sesetengah item budaya tersebut. Oleh yang demikian, antara prosedur terjemahan yang dapat membantu penterjemah memindahkan perkataan tersebut ke dalam teks terjemahan bahasa Melayu ialah peminjaman, terjemahan literal dan eksplisitasi. Sementara bagi kekangan istilah pula, jarak masa merupakan antara faktor yang menyebabkan wujudnya istilah teknikal yang tidak mempunyai padanan dalam bahasa Melayu, mahupun bahasa Inggeris. Istilah-istilah tersebut dipinjam ke dalam bahasa Inggeris oleh penulis teks sumber, dan turut dipinjam semula oleh penterjemah ke dalam teks sasaran bahasa Melayu. Adapun bagi istilah yang mempunyai padanan sedia ada dalam bahasa Melayu, prosedur terjemahan literal digunakan. Kesemua prosedur terjemahan yang digunakan dalam menghadapi kekangan budaya dan istilah, iaitu peminjaman, terjemahan literal dan eksplisitasi adalah bertepatan dengan strategi terjemahan dokumentari yang menjadi tunjang pendekatan terjemahan dalam

menghasilkan terjemahan bagi genre teks sejarah ini. Strategi ini berjaya mengekalkan warna asal teks sumber dan seterusnya dapat memperkenalkan budaya masyarakat Mandailing kepada pembaca sasaran. Bagi tujuan mengenal pasti dan mengesahkan makna sesuatu elemen budaya dan istilah pula, pendekatan merujuk kepada pakar bidang adalah antara langkah yang terbaik yang boleh diambil oleh penterjemah.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang dijalankan di bawah pembiayaan Geran Bridging, Universiti Sains Malaysia (No. Geran: 304/PHUMANITI/6316197).

## Rujukan

- Abdur-Razzaq Lubis & Khoo Salma Nasution. 2003. *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Azizul Azli Ahmad. 2015. Ruang dalaman masjid Melayu tradisional Semenanjung Malaysia. Tesis Ph.D Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bassnett, S. & Lefevere, A. (ed.). 1990. *Translation, History and Culture*. London & New York: Cassell.
- Dweik, B. & Abu Helwah, W. 2014. Translating historical and religious texts from Arabic into English: Problems and solutions. *Hebron University Research Journal (A)*. Vol 9, No 1  
<https://pdfs.semanticscholar.org/e713/b024d85f9ac6b67bb5a458d8dd20d3b01de6.pdf>  
Dicapai pada 12 Disember 2018.
- Goh Sang Seong & Boh Phaik Ean. 2014. Analisis strategi penterjemahan chengyu ke dalam bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol 14, No 2
- Haslina Haroon & Nurul Syafiqah Daud. 2017. The translation of foreign words in an English novel into Malay. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol 17, No 1
- Harun Baharudin. 2017. Strategi dan teknik terjemahan novel Arab dalam kalangan pelajar universiti. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol 17, No 4
- Hermans, T. 1999. *Translation in System: Descriptive and Systemic Approaches Explained*. Manchester: St. Jerome.
- Idris Mansor. 2013. Pendekatan terjemahan. Dlm. Haslina Haroon and Hasuria Che Omar (ed.). *Asas Terjemahan dan Interpretasi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Idris Mansor. 2016. Explicitation in the translation into Malay of Arabic technical culture. Dlm. Haslina Haroon & Noraini Ibrahim-Gonzalez (ed.). *Pengajaran dan Pembelajaran Terjemahan dan Interpretasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam-Webster*. <https://www.merriam-webster.com>
- Nida, E. 1964. *Toward a Science of Translating*. Leiden: E. J. Brill.
- Nord, C. 1991. *Text analysis in translation: Theory, methodology and didactic application of a model for translation-oriented text analysis*. Amsterdam & New York: Rodopi.
- Nord, C. 1997/2001. *Translating as a Purposeful Activity: Functionalist Approaches Explained*. Manchester: St. Jerome.
- O'Leary, Z. 2010. *The Essential Guide to Doing Your Research Project*. Los Angeles, London, New Delhi, Singapore, Washington DC & Melbourne: Sage.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary*. 2010. Oxford: Oxford University Press.
- Oxford Dictionaries*. <https://en.oxforddictionaries.com>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. <http://prpm.dbp.gov.my>.

- Saldanha, G. & O'Brien, S. 2017. *Research Methodologies in Translation Studies*. London & New York: Routledge.
- Snell–Hornby, M. 1990. Linguistic transcoding or cultural transfer?. Dlm. Bassnett, S. & Lefevere, A. (ed.). *Translation, History and Culture*. London & New York: Cassell.
- Vinay J.P. & Darbelnet, J. 1995. *Comparative Stylistics of French and English: A Methodology for Translation*. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Zaliza Zubir & Mahfuzah Md Daud. 2014. Peristilahan dalam bidang saintifik. *Journal of Human Development and Communication*. Vol 3, No 94  
<http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/41643/1/Peristilahan%20dalam%20Bidang%20Saintifik.pdf>. Dicapai pada 12 Disember 2018.